

Modal insan berdaya tahan pacu tenaga buruh tempatan

Oleh Prof Madya Dr Mohd Mursyid Arshad - Mei 14, 2022 @ 11:00am
bhrencana@bh.com.my



Program MySTEP tawar berpuh ribu peluang pekerjaan kepada belia. - Foto hiasan/Rohanis Shukri

Ketika negara memasuki fasa peralihan ke endemik selepas berhadapan gelombang penularan COVID-19 sejak Mac 2020, urusan terpenting masa kini adalah memastikan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan rakyat dapat dipulihkan.

Melihat kepada keadaan pasaran pekerjaan semasa di Malaysia, Statistik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan mendapati situasi tenaga buruh pada Februari lalu menunjukkan pemulihan.

Jumlahnya meningkat 0.2 peratus berbanding Januari yang mencatatkan kadar penyertaan tenaga buruh seramai 16.4 juta orang.

Kadar pengangguran juga menyusut kepada 4.1 peratus berbanding 5.3 peratus pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mei 2020.

Bagi memastikan operasi berterusan semua aktiviti ekonomi dan sosial pada fasa ini, usaha pembangunan modal insan berdaya tahan penting dilakukan secara lebih menyeluruh membabitkan semua agensi pelaksana dan pemegang taruh.

Justeru, inti pati utama program pembangunan kompetensi tenaga buruh tempatan perlu menekankan aspek pembangunan kemahiran baharu (upskilling), memperkasa kemahiran sedia ada (reskilling) dan menyilangkan tenaga buruh sedia ada dengan kemahiran lain (cross-skilling).

Ia bertujuan supaya mereka mampu melaksanakan kepelbagaian tugas, selari dengan keperluan semasa ketika berhadapan COVID-19.

Melalui Belanjawan 2022, kerajaan memajukan usaha pembangunan modal insan dalam kalangan belia dengan mewujudkan insentif berkonsepkan *Place and Train*.

Antara insentif itu adalah menggalakkan majikan menggaji perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun sebanyak RM900 sebulan bagi tempoh enam bulan, menyediakan pelan pembiayaan kepada 150 juta belia yang bergiat menceburi bidang keusahawanan.

Ia termasuk program MySTEP yang menawarkan sejumlah 80,000 peluang pekerjaan dalam sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Selain itu, bagi memastikan agenda untuk memulih, membina dan memangkin semula tenaga buruh muda tempatan yang berdaya tahan dalam era endemik, program latihan dan peningkatan latihan misalnya melalui HRD Corp, Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Kementerian Pengajian Tinggi serta SIP Gig dan Program Jamin Kerja harus dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Antara syor untuk memastikan modal insan berdaya tahan pada fasa endemik nanti adalah menggalakkan lebih banyak penggiat industri terutama syarikat korporat menyediakan latihan dan peluang pekerjaan kepada tenaga buruh tempatan termasuk golongan belia dan graduan.

Bagaimanapun, pembabitan tenaga buruh tempatan perlu diperluaskan dan disaran merebut peluang serta insentif tersedia untuk dimanfaatkan sebaiknya bagi membangunkan kompetensi diri.

Pada masa sama, usaha menyemarakkan peluang kolaborasi antara institusi pengajian tinggi (IPT) dan penggiat industri perlu dilakukan secara berterusan supaya graduan dihasilkan sepadan dengan keperluan industri.

Selain itu, corak serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran terutamanya di IPT perlu berubah kepada berorientasikan kajian kes dan pembelajaran berasaskan masalah dengan membawa cabaran semasa ke dalam kuliah.

Antara peluang pekerjaan berpotensi untuk dikembangkan khusus kepada golongan pencari kerja adalah pekerjaan berorientasikan pendigitalan yang secara tidak langsung membolehkan tenaga buruh tempatan tidak bergantung kepada pekerjaan yang 'makan gaji' semata-mata, tetapi golongan belia yang mampu mencipta peluang pekerjaan sendiri.

Penjana pendapatan melalui Ekonomi Gig adalah ruang berpotensi besar dalam suasana pendigitalan hari ini.

Usaha penjenamaan sektor 3D (dirty, dangerous dan difficult) perlu dipergiat secara berterusan dengan penawaran gaji setimpal bagi menarik minat tenaga buruh tempatan yang sebelum ini banyak dipelopori tenaga buruh asing.

Kesimpulannya, usaha bersepadu melahirkan modal insan berdaya tahan dapat memacu tenaga buruh tempatan supaya selari dengan peningkatan berterusan dalam sektor pekerjaan.

Penulis adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM)